

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2003

BAYARAN INSENTIF PEGAWAI KESIHATAN AWAM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam.

KADAR BAYARAN

2. Kerajaan telah menyemak semula kadar bagi Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam dan bersetuju supaya diberi kenaikan kadar seperti berikut:

Gred/ Kumpulan	Kadar Sebulan (RM)
Utama/Khas dan ke atas	1920
U53 dan U54	1760
U51 dan U52	1440
U47 dan U48	1360
U43 dan U44	1120
U41	1040

PEMBATALAN

3. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam di Lampiran C8 muka surat 5/13 perenggan B(3) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.


TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 2004.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

12 Disember 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan